

FEROCOM TABLET

Ferrous Sulphate, Thiamine HCl, Riboflavine, Nicotinamide, Folic Acid (180mg/3mg/1.5mg/10mg/5mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ferrocom Tablet
2. Bagaimana Ferrocom Tablet berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ferrocom Tablet
4. Cara menggunakan Ferrocom Tablet
5. Semasa menggunakan Ferrocom Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ferrocom Tablet
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Ferrocom Tablet

Ia digunakan untuk merawat kekurangan zat besi, terutamanya apabila badan kekurangan beberapa jenis vitamin B akibat pengambilan yang tidak mencukupi atau keperluan yang lebih tinggi. Ia juga membantu merawat sejenis kekurangan sel darah merah (*megaloblastic anemia*) yang disebabkan oleh kekurangan asid folik.

Bagaimana Ferrocom Tablet berfungsi

Bahan - bahan aktif dalam ubat ini bertindak bersama untuk memberikan nutrien penting yang membantu menjaga kesihatan darah dan menambah tenaga.

Sebelum menggunakan Ferrocom Tablet

- Bila tidak boleh diambil

Jangan ambil Ferrocom Tablet jika anda:

- sensitif/mempunyai alahan kepada ferrous sulphate, thiamine hydrochloride, riboflavine, nicotinamide, dan folic acid ataupun sebarang bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan pada Maklumat Lanjut).

- Sebelum mula mengambil Ferrocom Tablet

Beritahu doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda mempunyai:

- anemia (kekurangan sel darah merah) yang memerlukan vitamin B12 atau anda mempunyai kekurangan nutrien yang teruk.
- gangguan berkaitan zat besi.
- masalah penghadaman.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

- Jika menggunakan ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai ubat makanan untuk kesihatan.

Anda perlu berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat seperti yang berikut: -

- levodopa bersama carbidopa (ubat untuk merawat penyakit Parkinson).
- tetracyclines, chloramphenicol dan fluoroquinolones seperti ciprofloxacin dan ofloxacin (antibiotik).
- antasid (ubat untuk merawat pedih ulu hati).
- methyl dopa (ubat untuk merawat tekanan darah tinggi).
- penicillamine (ubat yang digunakan untuk merawat keracunan logam berat atau keradangan pada sendi).

Bagi mengurangkan risiko interaksi ubat, adalah disarankan untuk menjarakkan pengambilan Ferrocom Tablet dengan tempoh masa 2 hingga 3 jam daripada pengambilan ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Ferrocom Tablet

- Berapa banyak harus diambil

Ikut semua arahan yang diberikan oleh doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Arahan tersebut mungkin berbeza dengan maklumat yang terdapat dalam risalah ini. Sekiranya anda tidak memahami arahan pada label, minta bantuan daripada doktor atau ahli farmasi.

Pengambilan secara oral.

Kanak-kanak 6 hingga 12 tahun: 1 tablet, diambil sekali sehari.

Dewasa dan warga tua: 1 hingga 3 tablet sehari, dibahagikan dalam beberapa dos.

- Bila perlu diambil

Ambil seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Boleh diambil selepas makan atau bersama makanan.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil Ferrocom Tablet untuk tempoh yang ditetapkan oleh doktor.

- Jika anda terlupa mengambil

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda ingat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, tunggu sehingga itu untuk mengambil dos yang seterusnya. Jangan

ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda atau sesiapa terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda keracunan (berlebihan) zat besi termasuk muntah berdarah, pernafasan laju, degupan jantung yang cepat, dan cirit-birit berwarna gelap serta berbau busuk. Dalam kes yang teruk, ia boleh menyebabkan kegagalan organ dan kematian. Seseorang individu mungkin kelihatan pulih pada peringkat awal tetapi kemudian mengalami sakit perut, najis berwarna hitam, mengantuk, kekeliruan, atau sawan. Sekiranya mereka melepasi fasa ini, masalah hati atau buah pinggang boleh muncul dalam tempoh 1 hingga 2 minggu. Beberapa bulan kemudian, sesetengah pesakit mungkin mengalami masalah penghadaman seperti penyempitan saluran perut.

Semasa menggunakan Ferrocom Tablet

- Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda dengan betul seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Ferrocom Tablet.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengandung semasa mengambil ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda.
- Jangan mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.
- Jangan berikan Ferrocom Tablet kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau masalah seperti anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin
Berhati-hati semasa memandu atau menggunakan jentera sehingga anda mengetahui tentang kesan Ferrocom Tablet terhadap anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Ferocom Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan zat besi termasuk:

- Reaksi alahan (jarang berlaku)
- Masalah penghadaman biasa: ketidakelesaan perut, cirit-birit, muntah.
- Dos tinggi boleh menyebabkan: kerengsaan atau kerosakan serius pada perut, pendarahan dalaman (muntah darah), cirit-birit teruk yang boleh membawa kepada masalah peredaran darah.
- Masalah metabolik, sawan, atau koma dalam kes yang terlampau.
- Komplikasi serius: kerosakan hati boleh berlaku, yang berpotensi membawa kepada kegagalan hati dan kematian.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami simptom-simptom lain semasa mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Ferocom Tablet

- Penyimpanan

Simpan pada suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet bulat bersalut gula, berwarna kekuningan.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan- bahan aktif
 - Ferrous Sulphate
 - Thiamine HCl
 - Riboflavine
 - Nicotinamide
 - Folic Acid
- Bahan- bahan tidak aktif
 - Shellac
 - Polyvinylpyrrolidone
 - Calcium carbonate
 - Talcum
 - Maize starch
 - Sugar
 - Acacia
 - Gelatin
 - Quinoline Yellow 70E
 - Ponceau C4R

- Nombor MAL

MAL19921063X

Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk

Sunward Pharmaceutical Sdn. Bhd.
No. 9,11 & 17, Jalan Kempas 4,
Taman Perindustrian Tampoi Indah,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

17/06/2025

Nombor siri:

NPRA(R4/1)080525/00035